

Info Kes selesema babi

MALAYSIA

Kelmarin

144 kes

122 kes import

22 jangkitan tempatan

Semalam

158 kes

133 kes import

25 jangkitan tempatan

Jumlah yang sedang dikuarantin: 713 orang

SELURUH DUNIA

Kelmarin

61,688 kes

265 kematian

Semalam

71,076 kes

311 kematian

SEKOLAH DITUTUP

SM Chung Hwa

Pelajar: 1600

Guru: 84

Kakitangan: 50



14 lagi kena selesema babi

Metro,

1 Julai 09

p. 12

PUTRAJAYA - Sebanyak 14 kes baru selesema babi (H1N1) dilaporkan di negara ini dengan 11 daripadanya adalah kes import dan tiga lagi merupakan kes jangkitan tempatan menjadikan jumlah kes itu setakat ini meningkat kepada 158.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Mohd. Ismail Merican berkata, 14 kes baru wabak itu melibatkan 11 warga negara Malaysia dan tiga warga negara asing iaitu masing-masing satu warga Australia, New Zealand dan Indonesia.

"Daripada 11 kes import, mereka telah memberikan sejarah melawat negara yang terjejas dengan wabak selesema babi iaitu Australia (empat), Indonesia (empat), Singapura (dua) dan New Zealand (satu), manakala tiga kes jangkitan tempatan melibatkan warga tempatan," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Mohd. Ismail berkata, jumlah pesakit selesema babi yang masih dirawat di hospital pada masa ini berjumlah 47 orang dan kesemua mereka menunjukkan respons yang baik kepada rawatan tanpa sebarang komplikasi.

Katanya, seramai 111 kes selesema babi telah sembuh dan dibenarkan keluar daripada hospital dan setakat ini tiada sebarang kematian dilaporkan.

Menurut Mohd. Ismail, dua buah sekolah lagi ditutup sejak semalam kerana terdapat jangkitan tempatan iaitu Sekolah Tinggi Chung Hwa, Seremban dan Sekolah Menengah Tsun Jin, Kuala Lumpur.

Beliau berkata, dua buah sekolah itu akan ditutup sehingga Jumaat ini bagi mengawal penularan penyakit itu di sekolah tersebut.